

08/01/2002

'Amerika sendiri patut bertindak'

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Amerika Syarikat sendiri sepatutnya bertindak terhadap pengganas melakukan serangan 11 September lalu kerana orang yang disyaki pernah tinggal hampir setahun di negara itu.

Perdana Menteri berkata, perancangan untuk serangan itu juga dibuat di Amerika. Ketika pengganas itu berada di Switzerland, negara itu juga tidak mengambil sebarang tindakan.

"Jika Amerika Syarikat dan Switzerland sendiri tidak mengenal pasti mereka sebagai pengganas dan tidak mengambil tindakan, "macam mana kita (Malaysia) nak tahan mereka."

"Malangnya Malaysia pula dituduh bahawa jika Kuala Lumpur menahan dua pengganas itu ketika berada di negara ini tahun lalu, kejadian 11 September kononnya boleh dielakkan. Mana kita tahu dia nak rempuh kapal terbang," katanya selepas Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III) di Bukit Kiara di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Berita Harian Singapura minggu lalu yang memetik laporan majalah Jane's Intelligence Review bahawa serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 September lalu dapat dielakkan jika Malaysia menangkap kedua-dua pengganas yang disyaki terbabit ketika mereka berada di negara ini.

Dua lelaki itu, Khalid al-Mihdhar dan Nawaf Al-Hazmi, yang dikatakan terbabit dalam serangan itu, dikesan berada di negara ini pada 5 hingga 8 Januari tahun lalu.

Bagaimanapun, Malaysia ada menyerahkan pita video mengenai pergerakan Khalid kepada Agensi Perisikan Pusat (CIA) dan Amerika mengetahui perkara itu, tetapi pegawai imigresennya gagal menangkap atau menyekat kemasukannya.

Dalam kejadian itu, pengganas menggunakan dua pesawat penumpang yang dirampas untuk merempuh dan meranapkan menara kembar World Trade Center di New York manakala sebuah lagi pesawat penumpang yang juga dirampas digunakan untuk merempuh Pentagon di Washington.

"Saya ditanya mengapa kita tak tangkap pengganas yang akhirnya merempuh bangunan (di New York) apabila mereka datang ke sini sebagai pelancong. Kalau kita tangkap dulu, (kononnya) tak akan jadi (peristiwa) 11 September, tetapi dia orang ini duduk di Amerika dekat setahun, apa pasal Amerika tak tangkap?"

"Di situlah dia rancang... patut tangkap di situ. Laporan (majalah) Jane's Intelligence Review tak faham langsung. Malah, mereka juga pergi ke Switzerland sebagai pelancong, tetapi negara itu juga tidak tahan mereka."

"Mana kita tahu dia nak rempuh kapal terbang," katanya.

Mengenai perkara lain, Perdana Menteri berkata beliau amat sedih dengan penangkapan lapan pelajar pusat pengajian tinggi tempatan yang mengaku penyokong parti pembangkang kerana didapati cuba mengintip di bilik gerakan pilihan raya Wanita Umno di Taman Perlis, Kangar semalam.

"Saya berasa dukacita kerana kita nasihatkan supaya penuntut tidak terbabit dengan politik, jauh sekali politik mencerooboh seperti ini. Mereka membuat sesuatu yang mereka tahu adalah salah dan sepatutnya mereka tidak terbabit," katanya.

Semalam lapan pelajar itu, termasuk dua pelajar wanita berumur 20 hingga 23 tahun dari Universiti Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat dan Universiti Sains Malaysia,

ditahan kerana menceroboh masuk ke bilik gerakan itu bagi mendapatkan maklumat mengenai persiapan jentera pilihan raya Umno untuk menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Indera Kayangan.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Datuk Khor Liang Tee pada 19 Disember lalu. Penamaan calon pilihan raya itu akan diadakan Khamis ini dan jika ada pertandingan, pengundian akan diadakan 19 Januari.

Dr Mahathir juga menegur tindakan sesetengah akhbar yang hanya menggunakan tajuk berita "Lapan Pelajar Ditahan" tanpa menyertakan sebabnya kerana ia memberi implikasi kurang menyenangkan.

"Ini nampak tak elok. Ia memberi gambaran kita sengaja tangkap pelajar. Kita tak buat begitu," katanya sambil meminta akhbar supaya tidak memberi gambaran buruk kepada kerajaan.

Perdana Menteri juga berkata, kelewatan mengeluarkan kertas putih mengenai Al-Ma'unah disebabkan kes masih berada di mahkamah dan kerajaan tidak mahu menghina mahkamah.

Bagaimanapun, katanya, oleh kerana anggota kumpulan itu sudah dihukum, tindakan mengeluarkan kertas putih sedang dibuat.

Minggu lalu, Mahkamah Tinggi mengenakan hukuman mati terhadap tiga anggota kumpulan itu dan penjara sepanjang hayat terhadap 16 lagi kerana cuba melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

(END)